

YHSB

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
MOF.PKC.700-7/1/2392-2393



PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN



PUAN NIK ASMA ANITA BINTI MAKHTAR



24 JULAI 2026

Pembayar Cukai adalah Syarikat Pemegang Pelaburan (“SPP”) yang menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran serta pemegangan pelaburan. Berdasarkan semakan audit bagi Tahun Taksiran (“TT”) 2016 dan 2017

yang dijalankan ke atas Pembayar Cukai, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) mendapati Pembayar Cukai tidak melaporkan pendapatan di bawah Seksyen 60F Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”) yang memperuntukkan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan yang layak dituntut adalah tertakluk kepada perbelanjaan dibenarkan (“*permitted expenses*”). Memandangkan aktiviti utama Pembayar Cukai adalah pemegangan pelaburan, pengkelasan semula pendapatan *management fee* yang dilaporkan dari punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 kepada punca pendapatan bukan perniagaan perenggan 4(f) ACP 1967 telah dibuat selaras dengan subseksyen 60F(1A)(b) ACP 1967. KPHDN seterusnya telah membangkitkan Notis Taksiran bertarikh 29.06.2020 terhadap Pembayar Cukai bagi TT 2016 dan 2017.

Pembayar Cukai berhujah bahawa Pembayar Cukai bukan sebuah SPP kerana tidak termasuk di dalam skop definisi di bawah Seksyen 60F(2) ACP 1967 dan Ketetapan Umum No. 10/2025 yang menetapkan bahawa sebuah SPP haruslah menjalankan perniagaan penyewaan harta tanah. Pembayar Cukai berhujah bahawa aktiviti utama Pembayar Cukai bukanlah pemegangan pelaburan tetapi penyediaan perkhidmatan perakaunan dan pengurusan anak-anak syarikat dalam kumpulan. Pembayar Cukai hanya memegang saham anak-anak syarikatnya dan sejumlah kecil saham tersenarai awam.

KPHDN berhujah bahawa hasil semakan semasa audit ke atas Pembayar Cukai mendapati aktiviti utama Pembayar Cukai ialah pemegangan pelaburan dan kesemua pendapatan kasar Pembayar Cukai (sama ada dikecualikan atau tidak) adalah daripada pemegangan pelaburan tersebut. Oleh itu, Pembayar Cukai secara langsung adalah merupakan sebuah SPP kerana telah memenuhi kedua-dua kriteria yang dinyatakan dalam perenggan 6 Ketetapan Umum No. 10/2015 dan Seksyen 60F ACP 1967. KPHDN menghujahkan bahawa memandangkan Pembayar Cukai adalah sebuah SPP, maka Pembayar Cukai hanya layak menuntut potongan perbelanjaan menurut Seksyen 60F ACP 1967 dan bukan di bawah Seksyen 33(1) ACP 1967.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) memutuskan bahawa Pembayar Cukai telah gagal membuktikan rayuan mereka di bawah Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan KPHDN mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk membangkitkan taksiran dan mengenakan penalti terhadap Pembayar Cukai di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967. Rayuan Pembayar Cukai ditolak dan Notis Taksiran bagi TT 2016 dan TT 2017 berserta penalti adalah dikekalkan.

Nota Editor:

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*